

tidak pasti (kata perawi iaitu Fathimah) mana satu daripada dua perkataan itu (seperti atau dekat) yang disebut oleh Asma'- dengan Fitnah Al-Masih Al-Dajal. Akan dikatakan : "Apa pengetahuan kamu tentang orang ini?" Adapun orang Mu'min atau orang yang yakin - saya tidak pasti (kata perawi iaitu fathimah) mana satu daripada dua perkataan itu yang diucapkan oleh Asma'- Orang itu berkata : "Dia ialah Muhammad, dia adalah Rasulullah, dia datang membawa bukti-bukti dan petunjuk-petunjuk kepada kami. Maka kami menyahut seruannya dan kami mengikutinya. Dia Muhammad (tiga kali). Ketika itu dikatakan: "Tidurlah dengan tenang. Sesungguhnya kami memang tahu bahawa engkau benar-benar yakin tentangnya. Adapun orang munafiq atau orang yang ragu-ragu - saya tidak pasti (kata perawi iaitu Fatimah) mana satu daripada dua perkataan itu yang diucapkan oleh Asma'- maka dia akan berkata : "Saya tidak pasti tetapi saya dengar orang mengatakan sesuatu maka saya juga turut mengatakannya."

بَابُ تَخْرِيصِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقَدْ عَبْدَ الْقَيْسِ عَلَى أَنْ يَحْفَظُوا الْإِيمَانَ وَالْعِلْمَ وَيُخَيِّرُوا مَنْ وَرَاءَهُمْ وَقَالَ
مَالِكُ بْنُ الْحُوَيْرِثِ قَالَ لَنَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ارْجِعُوا إِلَى أَهْلِيكُمْ فَعَلِمُوهُمْ

25 - Bab : Saranan Nabi SAW kepada rombongan `Abdul Qais supaya mereka menjaga Iman dan `ilmu di samping memberitahu kaumnya yang tidak hadir. Malik Bin Al-Huwairits berkata, Nabi SAW bersabda kepada kami: "Kembalilah kamu kepada ahli keluargamu dan ajarlah mereka.

٨٦- حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ بَشَّارٍ قَالَ حَدَّثَنَا غُنْدَرٌ قَالَ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ عَنْ أَبِي جَمْرَةَ قَالَ كُنْتُ أُتْرَجِمُ بَيْنَ ابْنِ عَبَّاسٍ وَبَيْنَ النَّاسِ فَقَالَ إِنَّ
وَقَدْ عَبْدَ الْقَيْسِ أَتَانَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ مَنْ الْوَقْدُ أَوْ مِنَ الْقَوْمِ قَالُوا رِبْعَةٌ فَقَالَ مَرْحَبًا بِالْقَوْمِ أَوْ بِالْوَقْدِ غَيْرَ خَرَابَا وَلَا
نَدَامَى قَالُوا إِنَّا نَأْتِيكَ مِنْ شَقَّةٍ بَعِيدَةٍ وَبَيْنَنَا وَبَيْنَكَ هَذَا الْحَيُّ مِنْ كُفَّارٍ مُضَرٍّ وَلَا سَطَطِيْعٌ أَنْ نَأْتِيكَ إِلَّا فِي شَهْرِ حَرَامٍ فَمَرَّتَا بِأَمْرِ يُخَيِّرُ
بِهِ مَنْ وَرَاءَنَا نَدْخُلُ بِهِ الْجَنَّةَ فَأَمَرَهُمْ بِأَرْبَعٍ وَهَاهُمْ عَنْ أَرْبَعٍ أَمَرَهُمْ بِالْإِيمَانِ بِاللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ وَخُذَهُ قَالَ هَلْ تَذَرُونَ مَا الْإِيمَانُ بِاللَّهِ وَخُذَهُ
قَالُوا اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ قَالَ شَهَادَةٌ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَإِقَامُ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءُ الزَّكَاةِ وَصَوْمُ رَمَضَانَ وَتَعْطَاؤُ الْخُمْسِ
مِنَ الْمَغْنَمِ وَهَاهُمْ عَنِ الدُّبَاءِ وَالْحَنْتَمِ وَالْمَرْفَتِ قَالَ شُعْبَةُ رَبَّمَا قَالَ النَّبِيُّ رَبَّنَا قَالَ الْمُقْبِرُ قَالَ اخْفَظُوهُ وَأَخْبِرُوهُ مَنْ وَرَاءَكُمْ

86 - Muhammad Bin Basysyar telah meriwayatkan kepada kami, katanya, Ghundar telah meriwayatkan kepada kami, katanya, Syu'bah telah meriwayatkan kepada kami daripada Abi Jamrah katanya, Aku menjadi penterjemah di antara Ibnu 'Abbas dan orang ramai. Beliau (Ibnu 'Abbas) berkata : "Sesungguhnya delegasi Abdul Qais pernah datang kepada Nabi SAW. Baginda SAW lantas bertanya : "Siapakah rombongan itu atau kaum itu?" Para sahabat berkata : "Rabi'ah". Nabi SAW bersabda : "Selamat datang kepada delegasi itu dalam keadaan tidak terhina dan tidak menyesal. Mereka berkata : "Wahai Rasulallah, sesungguhnya kami datang kepadamu dari suatu daerah yang jauh, sedangkan di antara kami dan kamu ada Qabilah Kuffar Mudhar. Kami tidak dapat datang kepadamu kecuali pada bulan haram. Oleh itu perintahkanlah kami dengan sesuatu perintah yang dapat kami ceritakan kepada orang-orang di belakang kami dan dapat pula kami masuk syurga kerananya. Maka Nabi SAW memrintahkan mereka melakukan empat perkara dan melarang mereka daripada empat perkara. Beliau menyuruh mereka beriman kepada Allah sahaja dan seterusnya bertanya : "Tahukah kamu apa itu beriman kepada Allah sahaja?" Mereka menjawab : "Allah dan Rasulnya sahaja yang mengetahuinya" Nabi SAW selanjutnya menjelaskan : "Iaitu bersaksi bahawa sesungguhnya tiada tuhan melainkan Allah dan Muhammad adalah pesuruh Allah, mendirikan sembahyang, memberi zakat, berpuasa di bulan Ramadhan dan kamu memberikan satu perlima daripada harta ghanimah (kepada pihak pemerintah)" Dan Baginda SAW melarang mereka daripada empat perkara iaitu ad-Dubba' (bekas daripada labu kering), al-Hantum ^{hantam} (tempayan hijau) dan al-Muzaffat (bekas yang dilumur tar). Syu'bah berkata kadang-kadang dia (Abu Jamrah) berkata al-Naqir (lubang yang dibuat pada pangkal pokok) ^{kopra} dan kadang-kadang pula berkata "al-Muqayyar". Nabi SAW bersabda lagi : "Ingatlah semua yang tersebut itu dan ceritakanlah tentangnya kepada orang-orang di belakangmu."

بَابُ الرِّحْلَةِ فِي الْمَسْأَلَةِ النَّازِلَةِ وَتَعْلِيمِ أَهْلِهِ

26 – Bab : Mengembara demi masalah yang berlaku dan mengajar ahli keluarga sendiri.

٨٤ - حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ مُقَاتِلٍ أَبُو الْحَسَنِ قَالَ أَخْبَرَنَا عَبْدُ اللَّهِ قَالَ أَخْبَرَنَا عُمَرُ بْنُ سَعِيدٍ بْنُ أَبِي حُسَيْنٍ قَالَ حَدَّثَنِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ أَبِي مُلَيْكَةَ عَنْ عُقْبَةَ بْنِ الْحَارِثِ أَنَّهُ تَزَوَّجَ ابْنَةَ لَابِي إِهَابٍ بْنِ عَزِيزٍ فَأَتَتْهُ امْرَأَةٌ فَقَالَتْ إِنِّي قَدْ أَرْضَعْتُ عُقْبَةَ وَآلِي تَزَوَّجَ فَقَالَ لَهَا عُقْبَةُ مَا

أَعْلَمُ أَنَّكَ أَرْضَعْتَنِي وَلَا أَخْبَرْتَنِي فَرَكِبَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْمَدِينَةِ فَسَأَلَهُ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
كَيْفَ وَقَدْ قِيلَ فَفَارَقَهَا عُقْبَةُ وَتَكَحَّتْ زَوْجًا غَيْرَهُ

87 - Muhammad Bin Muqatil Abu al-Hasan telah meriwayatkan kepada kami, katanya, 'Abdullah telah meriwayatkan kepada kami, katanya, 'Umar Bin Sa'id Bin Abi Husain, meriwayatkan kepada kami, katanya, 'Abdullah Bin Abi Mulaikah telah meriwayatkan kepadaku daripada 'Uqbah Bin Al-Harits bahawa dia telah mengawini anak perempuan Abi Ihab Bin 'Aziz. Kemudian datang seorang perempuan seraya berkata : "Saya telah menyusukan 'Uqbah dan perempuan yang dikawininya" 'Uqbah berkata : "Saya tidak mengetahui bahawa kamu menyusukan saya dan kamu tidak pun memberitahu saya (sebelum ini)". 'Uqbah pun pergi menemui Rasulullah SAW di Madinah lalu bertanya Baginda. Maka Rasulullah SAW bersabda : "Bagaimana (kamu akan bersama perempuan itu) dalam keadaan telah dikatakan begitu?!". Akhirnya 'Uqbah meninggalkan perempuan tersebut dan perempuan itu kemudiannya berkahwin dengan orang lain. 19/7

بَابُ التَّنَاوُبِ فِي الْعِلْمِ

27- Bab : Menentukan giliran untuk pergi menuntut ilmu.

٨٨ - حَدَّثَنَا أَبُو الْيَمَانِ أَخْبَرَنَا شُعَيْبٌ عَنِ الزُّهْرِيِّ ح قَالَ أَبُو عَبْدِ اللَّهِ وَقَالَ ابْنُ وَهْبٍ أَخْبَرَنَا يُونُسُ عَنْ ابْنِ شِهَابٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي تَوْرٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبَّاسٍ عَنْ عُمَرَ قَالَ كُنْتُ أَنَا وَجَارِلِي مِنَ الْأَنْصَارِ فِي بَنِي أُمَيَّةَ بْنِ زَيْدٍ وَهِيَ مِنْ عَوَالِي الْمَدِينَةِ وَكُنَّا تَنَاوُبُ التَّزَوُّلَ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَنْزِلُ يَوْمًا وَأَنْزَلَ يَوْمًا فَإِذَا نَزَلْتُ حِسْتُ حَبْرَ ذَلِكَ الْيَوْمِ مِنَ الْوَحْيِ وَغَيْرِهِ وَإِذَا نَزَلَ فَعَلَّ مِثْلَ ذَلِكَ فَتَزَلَّ صَاحِبِي الْأَنْصَارِي يَوْمَ نَوَيْتُ فَضْرَبَ بَابِي ضَرْبًا شَدِيدًا فَقَالَ أَتُمُّ هُوَ فَفَزَعْتُ فَخَرَجْتُ إِلَيْهِ فَقَالَ قَدْ حَدَثَ أَمْرٌ عَظِيمٌ قَالَ فَدَخَلْتُ عَلَى حَفْصَةَ فَإِذَا هِيَ تَبْكِي فَقُلْتُ طَلَّقَكُنْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَتْ لَا أَذْرِي ثُمَّ دَخَلْتُ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقُلْتُ وَأَنَا قَائِمٌ أَطَلَقْتَ نِسَاءَكَ قَالَ لَا فَقُلْتُ اللَّهُ أَكْبَرُ

88 - Abu Al-Yaman telah meriwayatkan kepada kami, katanya, Syu'aib telah meriwayatkan kepada kami daripada Az-Zuhri (ح) Berkata Abu 'Abdillah dan Ibnu Wahab mengatakan Yunus

telah meriwayatkan kepada kami daripada Ibn Syihab daripada Ubaidillah Bin `Abdillah Bin Abi Tsaur daripada `Abdillah Bin `Abbas daripada `Umar r.a, beliau berkata : “Saya dan jiran saya dari kalangan orang Anshar ketika berada di perkampungan Bani Umayyah Bin Zaid iaitu satu kawasan di pinggir Madinah. Kami sentiasa bergilir-gilir pergi kepada Rasulullah SAW, dia pergi pada suatu hari dan saya pula pergi pada suatu hari yang lain. Kalau saya pergi, saya akan bawakan kepadanya berita hari itu berupa wahyu dan selainnya. Demikian juga kalau dia yang pergi. Pada suatu hari pada hari gilirannya sahabatku orang Ansar itu pergi. (Apabila pulang) Dia memukul pintu rumahku dengan kuat sekali sambil bertanya : “Adakah dia di dalam?”. Saya terkejut lantas keluar menemuinya. Dia terus berkata : “Telah berlaku satu perkara besar”. Selepas itu aku pergi ke rumah Hafshah dan aku dapati dia sedang menangis. Aku bertanya : “Adakah Rasulullah SAW telah menceraikan kamu?” Dia menjawab: “Saya tidak tahu”. Kemudian saya pun masuk menemui Nabi SAW lantas saya bertanya dalam keadaan berdiri : “Adakah engkau telah menceraikan isteri-isterimu?” Nabi SAW menjawab : “Tidak”. Mendengar jawapan Nabi SAW itu aku pun mengucapkan “Allahu Akbar!”

بَابُ الْغَضَبِ فِي الْمَوْعِظَةِ وَالْعَلِيمِ إِذَا رَأَى مَا يَكْرَهُ

28 – Bab : Kemarahan seseorang ketika memberi nasihat dan mengajar apabila melihat sesuatu yang tidak disenanginya.

٨٩ - حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ كَثِيرٍ قَالَ أَخْبَرَنَا سُفْيَانُ عَنْ ابْنِ أَبِي خَالِدٍ عَنْ قَيْسِ بْنِ أَبِي حَازِمٍ عَنْ أَبِي مَسْعُودٍ الْأَنْصَارِيِّ قَالَ قَالَ رَجُلٌ يَا رَسُولَ اللَّهِ لَا أَكَادُ أَذْرِكُ الصَّلَاةَ مِمَّا يُطَوَّلُ بِنَا فَلَانَ فَمَا رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي مَوْعِظَةٍ أَشَدَّ غَضَبًا مِنْ يَوْمِئِذٍ فَقَالَ أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّكُمْ مَتَغَرُّونَ فَمَنْ صَلَّى بِالنَّاسِ فَلْيَحْنَفْ فَإِنَّ فِيهِمُ الْمَرِيضَ وَالضَّعِيفَ وَذَا الْحَاجَةِ

89 - Muhamamad Bin Katsir telah meriwayatkan kepada kami, katanya, Sufyan telah meriwayatkan kepada kami daripada Ibn Abi Khalid daripada Qais Bin Abi Hazim daripada Abi Mas`ud Al-Anshari, beliau menceritakan : “Ada seorang lelaki berkata : “Wahai Rasulullah, hampir-hampir saya tidak dapat mengikuti sembahyang kerana si pulan memanjangkan bacaannya dalam sembahyang ketika mengimami kami”. Saya tidak pernah melihat Rasulullah SAW dalam mana-mana nasihatnya lebih marah daripada hari itu. Baginda SAW bersabda : “Wahai manusia sesungguhnya kamu meliarkan (menjauhkan) orang. Sesiapa yang menjadi